



## TAKLIMAT OACP DAN SEKSYEN 17A ASRPM 2009

8 Julai 2021 telah berlangsung Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) (Sesi 1) serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Taklimat telah disampaikan oleh PsK Sorfina 'Izzati binti Mohd Said dan KPKPs Mohamad bin Hussain.


Seramai 60 peserta telah menghadiri taklimat ini yang melibatkan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan, badan berkanun serta syarikat dan pegawai-pegawai SPRM mewakili negeri-negeri dan pegawai Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM.



## TAKLIMAT PENGURUSAN DOKUMEN TERPERINGKAT

9 Julai 2021 berlangsung Taklimat Pengurusan Dokumen Terperingkat telah disampaikan oleh Encik Mohd Nadzri Bin Sofian daripada

Cawangan Naziran, Bahagian Keselamatan, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya dan disertai pegawai dan kakitangan Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM. Taklimat bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman mengenai peraturan keselamatan dokumen, menanam sikap bertanggungjawab dalam mengendalikan perkara terperingkat serta memberi kesedaran tentang kesan dan risiko keselamatan akibat kecuaihan.



## MESYUARAT PENGURUSAN BAHAGIAN

15 Julai 2021 Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Bahagian untuk suku tahun Bil.1/2021 secara maya. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan dan dihadiri oleh 48 orang pegawai bahagian ini.

## TAKLIMAT IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)

Pada 23 Julai 2021 telah diadakan Taklimat Ikrar Integriti Korporat (CIP) kepada Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB) secara sidang maya. Taklimat telah disampaikan oleh PPj Sarimah Sulaiman, Ketua Unit CIP, Cawangan Inisiatif Korporat (I-Corp) kepada wakil syarikat. Di sesi taklimat ini, syarikat telah diberi khidmat rundingan berkaitan inisiatif dan polisi-polisi berkaitan pencegahan rasuah yang boleh dilaksanakan dalam membudayakan amalan tadbir urus baik dan memastikan persekitaran organisasi yang telus dan bebas rasuah.

